

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED**  
**[JELI]**

**SOALAN NO. 247**

**Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [ JELI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada ECER akan meneruskan agenda bagi membangunkan sosioekonomi Kelantan melalui projek-projek ekonomi, keusahawanan, pendidikan dan sosial dan setakat mana inisiatif ini dapat merapatkan jurang antara Kelantan dengan negeri-negeri lain.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejajar dengan hala tuju strategik **Pelan Induk ECER 2.0 - Lonjakan Seterusnya (2018-2025)** yang telah diluluskan di Mesyuarat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Bil. 1/2018 pada 31 Oktober 2018, bagi memacu ECER ke arah mencapai taraf Wilayah Maju menjelang tahun 2025, projek-projek dan program-program strategik dan berimpak tinggi telah dikenal pasti.

### **Pembangunan Modal Insan**

Program Pembangunan Modal Insan seperti *empower* ECER (Akademik), *empower* ECER (Latihan Kemahiran & Keusahawanan) serta *entrepreneur* ECER, adalah di antara projek dan program strategik yang akan diteruskan.

Selaras dengan tujuan memperkasakan rakyat dengan memupuk kemahiran dan merealisasikan potensi sebenar mereka, **perancangan ECERDC bagi Negeri Kelantan** untuk tahun **2018 hingga 2025** mensasarkan sejumlah:

- **28,080 pelajar** bagi program ***empower* ECER (Akademik);**
- **10,000 peserta** bagi program ***empower* ECER (Kemahiran & Keusahawanan);**
- Mewujudkan serta membangunkan seramai **19,760 usahawan** melalui program ***empower* (Kemahiran & Keusahawanan)** dan ***entrepreneur* ECER**

### **Pembangunan Infrastruktur Bagi Menambah Baik Kesaling Hubungan Serta Menyokong Industri Pelancongan**

ECERDC melaksanakan projek-projek strategik di Negeri Kelantan seperti berikut:

1. Pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3)
2. Laluan Antara Pasir Puteh-Machang-Jeli
3. Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai
4. Jambatan Palekbang-Kota Bharu
5. Naik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra
6. Jambatan Tak Bai - Pengkalan Kubor
7. Jambatan Rantau Panjang - Golok
8. Pelabuhan Tok Bali (bersama pihak swasta)

Pembangunan Konurbasi Kota Bharu akan memperlihatkan **Kampung Warisan Kampung Laut** dipromosikan sebagai destinasi pelancongan utama.

### **Perniagaan Tani**

Sektor Perniagaan Tani juga diberi penekanan di mana ECERDC melaksanakan projek:

- Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali
- Pertanian Bersepadu Lojing
- Pembangunan Projek Rumput Hibrid Tropika (*Hybrid Tropical Grass*)
- Pembangunan Industri Kenaf
- Pembangunan Penternakan Lembu Pedagang Hibrid (Lembu Sado Kelantan)

### **Taman Industri**

Selain dari **Taman Industri Tok Bali** serta **Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali**, kedudukan **Taman Industri Halal Pasir Mas** akan dikukuhkan.

### **Pelaburan Dan Peluang Pekerjaan**

ECERDC juga mensasarkan untuk menarik sejumlah **RM9.5 bilion pelaburan swasta** bagi sektor-sektor pembuatan, pelancongan, perniagaan tani, minyak gas dan petrokimia, pembangunan modal insan dan juga perkhidmatan dan logistik ke Negeri Kelantan bagi tahun 2018 ke 2025 yang dijangka menjana **sebanyak 26,950 peluang pekerjaan**. Usaha ini termasuk inisiatif dalam memperkasakan ekonomi Bumiputera agar turut menyumbang kepada pelaburan domestik dengan menerokai sektor-sektor yang mempunyai nilai tambah tinggi seperti minyak dan gas, perkhidmatan kesihatan, tenaga boleh diperbaharui dan pelancongan. Peningkatan peluang pekerjaan dan keusahawanan ini akan meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengurangkan penghijrahan keluar dari Wilayah ini. Pewujudan peluang pekerjaan dan keusahawanan menerusi projek dan program ECERDC telah dan akan terus menyumbang kepada pembangunan negeri Kelantan bagi merapatkan jurang antara Kelantan dengan negeri-negeri lain.